

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DR. LEE BOON CHYE
[GOPENG]

SOALAN :

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta PERDANA MENTERI menyatakan senaraikan terminal-terminal pengangkutan awam yang dapat kelulusan untuk beroperasi oleh SPAD.

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanajaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) telah mengenalpasti sebanyak 455 buah terminal pengangkutan awam darat di seluruh Semenanjung Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 186 buah adalah terminal bas dan teksi manakala selebihnya adalah terminal keretapi.

2. S.P.A.D. kini dalam proses untuk melesenkan terminal-terminal pengangkutan awam darat secara berperingkat berdasarkan Seksyen 5 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010. Sehingga kini, lima (5) buah terminal telah dilesenkan sebagai projek perintis. Terminal-terminal berkenaan adalah Terminal Bersepadu Selatan, Terminal Sentral Kuantan, Terminal Larkin Sentral, Terminal Melaka Sentral dan Terminal Amanjaya.

Sekian, terima kasih.